



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



PERATURAN PERTANDINGAN LIGA BOLA SEPAK IPT 2023/2024

DIVISYEN 3

1. TAFSIRAN:

- 1.1 “**LBSIPT**” bermakna Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.2 “**KPT**” bermakna Kementerian Pendidikan Tinggi
- 1.3 “**FIFA**” bermakna satu badan pentadbiran terdiri daripada gabungan Bola Sepak Antarabangsa.
- 1.4 “**JKP**” bermakna Jawatankuasa Pengelola yang akan bertanggungjawab keatas semua hal berkaitan dengan pengelolaan Liga Bolasepak IPT.
- 1.5 “**JKTP**” bermakna Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan yang bertanggungjawab keatas semua perkara Teknikal didalam Pertandingan LIPT
- 1.6 “**FAM**” bermakna Persatuan Bolasepak Malaysia yang bertanggungjawab keatas semua perkara-perkara Teknikal didalam Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.7 “**Peraturan**” bermakna Peraturan Pertandingan Liga Bolasepak IPT.
- 1.8 “**Pegawai**” bermakna Pegawai Pertandingan dan Pegawai Pasukan.
- 1.9 “**Pegawai Pertandingan**” bermakna Komissioner Perlawanan, Koordinator Perlawanan, Pengarah Pertandingan, Penolong Pengarah Pertandingan, Pengurus Pertandingan, *General Coordinator*, Penilai Pengadil, Penolong-penolong Pengadil, pegawai ke-empat, ahli Jawatankuasa JKP, JKTP, Pegawai Keselamatan, pegawai Media, Pegawai Perubatan dan sesiapa sahaja yang diberi kuasa oleh JKP atau JKTP untuk menjalankan tugas di dalam LBSIPT.
- 1.10 “**Pegawai Pasukan**” bermakna mana-mana orang mewakili Pasukan yang telah disahkan menyertai LIPT oleh JKP atau JKTP.

- 1.11 “**Pemain**” bermakna Pemain bolasepak warganegara Malaysia atau Pemain Asing yang telah disahkan penyertaannya mewakili Pasukan didalam LIPT dan tertakluk kepada syarat-syarat yang kenakan oleh JKP atau JKTP.
- 1.12 “**Pasukan**” bermakna mana-mana Pasukan dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu IPTA,IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah disahkan penyertaannya dalam Pertandingan.

2. PEMATUHAN PERATURAN DAN PIALA.

2.1 Pematuhan Peraturan:

- 2.1.1 Kejujuran dan keikhlasan mematuhi semua Peraturan dan Undang-undang mengenai penyertaan di dalam LBSIPT ini adalah menjadi tanggungjawab ke atas Pasukan, Pegawai dan Pemain.
- 2.1.2 Mana-mana Pasukan, Pegawai atau Pemain yang mengingkari mana-mana Perkara di dalam Peraturan ini hendaklah dikenakan apa-apa tindakan yang ditetapkan oleh JKP atau JKTP yang mana keputusannya adalah muktamad.
- 2.1.3 Nama Pertandingan dan Piala. Pertandingan ini dinamakan “Kejohanan Liga Bolasepak IPT” bagi merebut Piala Menteri Pendidikan Tinggi

3. PERATURAN AM .

- 3.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan FAM dan Undang-undang Permainan Bolasepak yang disiarkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).
- 3.2 Kejadian di luar jangka dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-
 - 3.2.1 Semua kejadian am iaitu perkara-perkara bukan teknikal akan diputus oleh JKP.

- 3.2.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan JKTP berasaskan kepada Peraturan FAM dan Undang-undang yang mana keputusannya adalah muktamad.
- 3.3 FAM bertanggungjawab di dalam pengelolaan teknikal Pertandingan meliputi:
- 3.3.1 Memastikan keperluan-keperluan teknikal adalah mengikut prosedur dan peraturan seperti yang ditetapkan oleh FAM dan FIFA.
 - 3.3.2 Bertanggungjawab ke atas organisasi teknikal perlawanan dan seluruh kawalan serta pengurusan teknikal Pertandingan dengan bantuan JKTP.
 - 3.3.3 Melantik Pengarah Pertandingan atau Penolong Pengarah Pertandingan yang mewakili JKTP untuk menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera di venue pertandingan.
 - 3.3.4 Melantik Pegawai-pegawai Pertandingan iaitu Kommissioner Perlawanan atau Koordinator Perlawanan hanya bagi perlawanan-perlawanan terpilih, Penilai Pengadil, Pengadil, Penolong-penolong Pengadil dan Pegawai keempat dalam Pertandingan ini.
 - 3.3.4.1 Mengelola taklimat kepada Pegawai Pasukan sebelum pertandingan bermula untuk menerangkan perkara-perkara teknikal Pertandingan.
 - 3.3.4.2 Merujuk kepada Jawatankuasa Tetap FAM yang berkaitan jika terdapat masalah serius yang memerlukan keputusan.
 - 3.3.4.3 Mengadakan kusus-kursus terutama dalam bidang teknikal jika diminta berbuat demikian oleh JKP.

4. PENYERTAAN.

- 4.1 Slot Pasukan adalah berdasarkan Slot yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa induk & jawatankuasa teknikal
- 4.2 Berikut adalah pasukan yang layak ke Kejohanan LBSIPT Div 3 bagi tahun 2023/2024:-
 - 4.2.1 **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**
 - 4.2.2 **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
 - 4.2.3 **Multimedia Universiti (MMU MELAKA)**
 - 4.2.4 **Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UNISHAM)**
 - 4.2.5 **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)**
 - 4.2.6 **Universiti Melaka (UNIMELI)**
 - 4.2.7 **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)**
 - 4.2.8 **Universiti Teknologi Petronas (UTP)**

5. PENDAFTARAN PASUKAN, PEGAWAI DAN PEMAIN.

5.1 Pasukan

- 5.1.1 Pasukan dari IPT hendaklah menyertai kejohanan yang telah diadakan iaitu Divisyen 3.
- 5.1.2 Pasukan hendaklah mendaftar mengikut peraturan dan pada tarikh yang ditetapkan.
- 5.1.3 Setiap pasukan yang menyertai Pertandingan adalah tertakluk kepada semua peraturan dan keputusan-keputusan JKP dan JKTP.

5.2 Pegawai.

- 5.2.1 Seorang Pengurus Pasukan (1 Orang) (***Wajib Daftar***)
- 5.2.2 Seorang Penolong Pengurus Pasukan (1 Orang)
- 5.2.3 Tiga (3) orang Jurulatih yang terdiri daripada berikut
 - 5.2.3.1 Seorang Ketua Jurulatih yang mempunyai kelayakan minimum Lesen "B dan/atau C" FAM atau setaraf dengannya. (***Wajib Daftar***)

- 5.2.3.2 Seorang Penolong Ketua Jurulatih yang mempunyai kelayakan minimum Lesen C atau D (FAM) atau setaraf dengannya atau sekurang-kurangnya bekas Pemain bolasepak yang pernah mewakili negeri atau mempunyai Sijil Kehadiran kursus jurulatih atau mempunyai Sijil Jurulatih Kecergasan. (***Wajib Daftar***)
- 5.2.3.3 Seorang Jurulatih Penjaga Gol yang mempunyai Lesen daripada FAM atau mempunyai Sijil Kehadiran mengikuti kursus Jurulatih Penjaga Gol
- 5.2.3.4 Seorang Analisis Prestasi (*Performance Analyst*):
- 5.2.3.5 Seorang Kitman (***Wajib Daftar***)
- 5.2.3.6 Seorang Pembantu Perubatan Atau Fisioterapi (***Wajib Daftar***).

5.3 **Pemain.**

- 5.3.1 Tidak lebih daripada **30 orang** pemain yang mana **3 daripadanya mestalah penjaga gol** (Megikut perancangan Pasukan) untuk pendaftaran pasukan dan **maksimum 20** orang pemain atau **minimum 16** orang pemain untuk pendaftaran perlawanan.
- 5.3.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Asasi / Pra-U, Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti adalah layak menyertai LBSIPT Div 3.
- 5.3.3 Semua pelajar yang berdaftar (kursus 2 tahun) dan menghadiri kursus sepenuh masa di Kolej Komuniti adalah layak menyertai LBSIPT Div 3.
- 5.3.4 Istilah tamat belajar bagi institusi yang bertanding di LBSIPT Div 3 adalah pemain yang telah menamatkan pengajian dan telah bergruadasi atau tidak aktif lagi di dalam sistem pembelajaran institusi masing-masing.
- 5.3.5 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus pra persediaan dibawah program Pra Pendidikan Tinggi bagi pra sains dan pra perdagangan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Politeknik adalah layak menyertai LBSIPT Div 3.

- 5.3.6 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.
- 5.3.5.1 Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan sahaja bagi mewakili sesuatu entiti dimana beliau mendaftar sebagai pelajar kecuali dengan kelulusan JKP.
- 5.3.5.2 Hanya lima (5) orang sahaja pelajar luar negara dibenarkan untuk pendaftaran setiap pasukan dan semua dibenarkan untuk pendaftaran bagi setiap perlawanan.
- 5.3.5.3 Had Umur pemain adalah di bawah **(27 Tahun)** mengikut tahun pertandingan **(2024)** . **(Berpandukan had umur Asian University Games).**
- 5.3.5.4 Pemain yang didaftarkan di dalam pasukan-pasukan yang menyertai pertandingan di bawah kelolaan FAM seperti Liga M3, Liga M4,Liga M5, Piala Belia, Piala Presiden, dan Liga Super dibenarkan menyertai Liga Bola Sepak IPT.
- 5.3.5.5 Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftarkan 2 orang pemain jemputan dari mana-mana IPT dengan syarat pemain jemputan tersebut mestilah memenuhi peraturan 5.3 (Perkara 5.3.2, 5.3.3, 5.3.4 dan 5.3.5) dan tidak didaftarkan di dalam mana-mana pasukan yang menyertai sebarang pertandingan di dalam Liga Bola Sepak IPT. **Seseorang Pemain tidak boleh bermain pada satu-satu masa dengan 2 pasukan di LBSIPT Div. 1, Div 2 dan Div 3.**
- 5.3.5.6 **Pasukan (IPT) yang memohon pendaftaran Pemain pinjaman harus mengisi dan melengkapkan borang (Pemain Pinjaman) yang disediakan oleh JKTP. Borang tersebut haruslah ditandatagani dan/atau disahkan oleh :**
- 5.3.5.6.1 Pengurus pasukan sekiranya (IPT) Pemain itu terlibat dengan LBSIPT Div 1, 2, dan 3.**

5.3.5.6.2 Pegawai Sukan / Pegawai yang bertanggungjawab sekiranya (IPT) Pemain itu tidak terlibat dengan LBSIPT Div 1, 2 dan 3.

5.4 Pendaftaran Pemain

- 5.4.1 Setiap pasukan wajib mendaftar minimum 30 orang pemain sebelum tarikh tutup Pendaftaran yang telah ditetapkan.
- 5.4.2 Kad Akreditasi Pemain wajib diserahkan kepada Koordinator Umum (GC). Perlawanan sebelum sesuatu perlawanan dijalankan dan setiap Pengurus Pasukan berhak menyemak Kad Akreditasi Pemain pasukan lawan di bawah penyeliaan GC.

6. SISTEM PERTANDINGAN

6.1 Pertandingan akan dijalankan seperti berikut:

- 6.1.1 Pertandingan Divisyen 3 ini akan dijalankan secara karnival.
- 6.1.2 Pasukan akan dipecah kepada 2 kumpulan.
- 6.1.1 Setiap pasukan akan mengharugi 3 perlawanan dalam kumpulan.
- 6.1.2 Jawatankuasa teknikal mempunyai kuasa penuh untuk menentukan jadual untuk setiap pasukan dan setiap perlawanan termasuk (Masa, Tarikh dan tempat perlawanan).

7. PENENTUAN PASUKAN PEMENANG ATAU TERATAS

7.1 Penentuan Pasukan teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat hendaklah mengikut susunan hirarki seperti berikut :-

- 7.1.1 Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol tertinggi dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol tertinggi dikira sebagai pemenang, jika sama;
- 7.1.4 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang seperti berikut:-

Kriteria Head-to Head :

- 7.1.4.1 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang tertinggi di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 7.1.4.2 Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang tertinggi di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 7.1.4.3 Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang tertinggi di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
- 7.1.5 Mengambil kira jumlah kad kuning dan kad merah yang diterima dalam Peringkat Kumpulan (Sila rujuk ‘Penentuan kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play di bawah, jika sama;
- 7.2 Penentuan Kedudukan dalam Kumpulan menggunakan Kriteria Fair Play Sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengiraan mata di atas (7.1.5), skor yang lebih sedikit dikira mengikut bilangan kad kuning dan merah yang diterima dalam kumpulan perlawanan akan dikira seperti berikut:- Setiap pasukan akan menerima mata untuk menerima kad merah dan kuning seperti yang ditunjukkan di bawah:
- 7.2.1 Setiap kad kuning - satu (1) mata.
- 7.2.2 Setiap kad merah akibat daripada dua (2) kad kuning - tiga (3) mata
- 7.2.3 Setiap kad merah langsung - tiga (3) mata
- 7.2.4 Setiap kad kuning dan diikuti dengan kad merah langsung - empat (4) mata Pasukan yang menerima paling sedikit mata akan menduduki tempat yang tertinggi

8. JADUAL PERLAWANAN SERTA WARNA PASUKAN

- 8.1. Jawatankuasa Teknikal Pertandingan hendaklah menyusun jadual perlawanan dan hendaklah diedarkan kepada semua pasukan yang mengambil bahagian sekurang-kurangnya dua minggu sebelum bermulanya pertandingan.
- 8.2 Tiada sebarang penundaan dibenarkan selepas Jadual Rasmi Pertandingan dikeluarkan kecuali mendapat kelulusan JKTP.

9. JERSI PASUKAN

- 9.1 Sekiranya terdapat persamaan warna pakaian yang dengan syarat tuan rumah memakai warna sebagaimana yang mereka isytiharkan mengikut peraturan, maka pasukan pelawat hendaklah menukar warna pakaian mereka. Begitu juga sekiranya pasukan tuan rumah memakai warna pakaian lain dari apa yang mereka isytiharkan mengikut peraturan, maka pasukan tuan rumahlah yang menukar warna pakaian mereka.
- 9.2 Pemain hendaklah memakai jersi yang mempunyai nombor yang tingginya tidak kurang dari 10 inci manakala nombor di sebelah kanan seluar hendaklah 2 inci tingginya sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai rasmi yang dikemukakan.
- 9.3 Semua pasukan dikehendaki mempunyai set jersi kedua dengan warna berlainan daripada jersi set pertama.
- 9.4 Kedua-dua set jersi ini hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan sebelum bermulanya pertandingan.

10. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Undang-undang Permainan hendaklah mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan Persekutuan Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dan Peraturan LBSIPT.

11. MASA PERMAINAN & PERTUKARAN PEMAIN

- 11.1 Masa permainan ialah 45 minit bagi separuh masa pertama dan 45 minit bagi separuh masa kedua. Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 15 minit kecuali dengan izin Pengadil.
- 11.2 **Tidak lebih daripada Tujuh (7) orang pemain boleh digantikan dalam satu-satu perlawanan termasuklah Extra Time, daripada senarai pemain simpanan yang dikemukakan di dalam Team List sebelum sesuatu perlawanan. Mana-mana pemain yang telah diganti tidak boleh bermain semula.**

- 11.3 Bagi perlawanan peringkat kalah mati (Pusingan ke-2, Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir). Sekiranya permainan sepenuh masa tamat dengan keputusan seri. Pemenang perlawanan akan ditentukan dengan sepakan penalti mengikut peraturan FAM/FIFA. (Tiada tambahan masa perlawanan bagi perlawanan peringkat kalah mati).

12. WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN

- 12.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti tercatat dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh ditukar dengan kelulusan JKTP.
- 12.2 Sekira azan berkemundang ketika perlawanan sedang berjalan, maka adalah menjadi tanggungjawab pengadil untuk memberhentikan perlawanan. Perlawanan akan disambung semula apabila azan tamat

13. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

- 13.1 Sekiranya Pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan dan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihenti akibat hal-hal di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan itu hendaklah dilangsungkan pada keesokan harinya di tempat yang sama dan pada masa yang akan ditentukan oleh JKTP.
- 13.2 **Perlawanan yang ditunda atau diberhentikan pada minit ke-70 ke atas disebabkan faktor-faktor seperti di atas. Keputusan perlawanan akan dikira sebagai keputusan rasmi.**
- 13.3 Sekiranya pengadil menghentikan perlawanan kerana tingkahlaku penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan atau keengganannya Pasukan, Pegawai atau pemain meneruskan permainan, maka JKTP boleh mengambil keputusan-keputusan seperti berikut:
- 13.1.1 Kemenangan diberi kepada pasukan yang lain dengan 3 mata dan jaringan gol 3 - 0 atau jaringan semasa perlawanan dihentikan, jika ianya lebih.
- 13.1.2 Denda

- 13.1.3 Penggantungan pasukan untuk beberapa perlawanan atau musim-musim berikut.
- 13.1.4 Pasukan akan terkeluar daripada pertandingan.

14. BILANGAN PEMAIN YANG MENCUKUPI DAN PEMAIN GANTIAN

- 14.1 Sekiranya kurang dari 10 orang pemain dari salah satu pasukan turun ke padang apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pasukan yang mempunyai 10 orang pemain atau lebih di padang hendaklah diberi kemenangan percuma dengan jaringan gol 3-0. Pasukan yang mempunyai kurang daripada 10 orang pemain hendaklah dikenakan tindakan atau tindakan-tindakan oleh JKP.
- 14.2 Jika kedua-dua pasukan tidak dapat menurunkan 10 orang pemain atau lebih apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang diiklankan, maka pengadil hendaklah melaporkan perkara tersebut kepada JKTP yang akan mengambil tindakan yang difikirkan patut dan perlu.
- 14.3 Jika permainan diberhentikan oleh pengadil kerana salah satu pasukan atau kedua-dua pasukan mempunyai kurang dari tujuh (7) orang pemain, maka JKTP hendaklah mengenakan tindakan atau tindakan-tindakan yang patut dan perlu kepada Pasukan berkenaan.

15. TARIK DIRI ATAU GAGAL BERMAIN

- 15.1 Sekiranya mana-mana pasukan menarik diri selepas melayakkan diri ke mana-mana pertandingan, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pasukan tersebut itu oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan.
- 15.2 Sekiranya mana-mana pasukan mengugut menarik diri atau menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari JKP, maka pasukan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 dan boleh digantung daripada menyertai pada musim atau beberapa musim berikutnya.

- 15.3 Sekiranya sesebuah pasukan tidak melaporkan diri untuk sesuatu perlawanan, kecuali hal bencana alam dan sebab-sebabnya kemudian diterima oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan, atau jika pasukan tersebut enggan meneruskan permainan atau meninggalkan padang sebelum tamat perlawanan, maka Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan mengambil tindakan seperti tersebut dalam para **13** dan para **15**
- 15.4 Mana-mana pegawai atau pemain yang terbukti telah membantu atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah para **13** dan / atau para **15** adalah bersalah kerana khianat dan boleh dikenakan penggantungan atau denda ataupun kedua-duanya sekali.
- 15.5. Walaupun seseorang Pengadil telah membuat kesilapan dalam taksiran Undang- undang Permainan sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Persatuan Bolasepak Antarabangsa pasukan yang berkenaan hendaklah bermain sehingga tamat perlawanan dan boleh membuat aduan terhadap pengadil tersebut, walaubagaimanapun keputusan perlawanan adalah muktamad.

16. URUSAN PADANG

- 16.1 Kordinator Umum (GC) hendaklah bertanggungjawab atas segala urusan padang dan penyediaan enam (7) biji bola (6 padang dan 1 di bangku pengadil) perlawanan yang hendaklah mematuhi Undang-undang Permainan bagi setiap perlawanan. Mereka hendaklah juga bertanggungjawab menyediakan bilangan pemungut bola yang mencukupi (minimum 6 orang) dan pasukan perubatan (Ambulan).
- 16.2 Hanya stadium dan Padang yang diluluskan selepas diperiksa sahaja akan dibenarkan untuk digunakan.
- 16.3 Padang latihan yang diiktiraf dan dilengkapkan dengan semua peralatan hendaklah disediakan oleh Kordinator Umum (GC) bagi pasukan pelawat (AWAY) untuk berlatih dan dimaklumkan kepada JKTP.

17. BANGKU SIMPANAN PASUKAN DAN KAWASAN TEKNIKAL

- 17.1 Maksimum Lapan (8) Pegawai Pasukan dan sembilan (9) Pemain yang bertanding dibenarkan duduk di bangku Pasukan semasa sesuatu Perlawanan , dengan syarat mereka memiliki Kad Akreditasi yang sah.**
- 17.2 PTR akan menduduki bangku pasukan di sebelah kiri apabila menghadapi Field of Play apabila dilihat dari bangku Pegawai ke-4.**

18. KAWALAN KESELAMATAN DAN KELAKUAN PENYERTAAN

- 18.1 Pasukan tuan rumah hendaklah bertanggungjawab atas:-**
 - 18.1 Kelakuan baik para pegawai, pemain dan penonton.**
 - 18.2 Mengambil langkah keselamatan yang digariskan dalam Peraturan Keselamatan Persatuan Bolasepak Malaysia.**
 - 18.3 Mengambil segala langkah pencegahan untuk menentukan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku.**
- 18.2 Pasukan tuan rumah adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan pasukan pelawat dari masa pasukan pelawat itu masuk ke kampus tuan rumah sehingga pasukan pelawat itu balik ke Universiti dan diantaranya.**
- 18.3 Sekiranya Jawatankuasa Tatatertib mendapati pasukan tuan rumah cuai menjalankan tanggungjawab ini, maka Jawatankuasa Tatatertib akan melapor dan mengesyorkan jenis tindakan yang boleh diambil oleh JTP dan diantaranya adalah seperti berikut:**
 - 18.3.1 Amaran**
 - 18.3.2 Denda**
 - 18.3.3 Penggantungan pasukan.**
 - 18.3.4 Penggantungan pemain dan / atau pegawai yang terlibat.**
 - 18.3.5 Penggantungan padang perlawanan untuk tempoh tertentu.**
Atau lain-lain tindakan yang difikirkan sesuai.
 - 18.3.6 Langkah yang sama boleh diambil terhadap pasukan pelawat sekiranya berlaku sesuatu kejadian akibat salahlaku para pemain, pegawai atau penyokong kelolaannya yang dikenalpasti.**

19. TINDAKAN TATATERTIB

- 19.1 Tindakan tata tertib yang akan diambil telah digariskan dalam Peraturan Tataterrib Persatuan Bolasepak Malaysia dan JKTP.
- 19.2 Tindakan disiplin yang diambil dalam mana-mana perlawanan yang ditangguhkan akan diambil kira dan sebaliknya pemain-pemain yang dikenakan tindakan tataterrib dalam perlawanan yang ditangguhkan itu akan dianggap telah menyempurnakan tindakan tataterrib mereka.
- 19.3 Keputusan disiplin yang diambil oleh Jawatankuasa Tataterrib hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta dan hanya akan dipinda atau dimansuhkan selepas Jawatankuasa Rayuan mengambil keputusan sedemikian.
- 19.4 Pemain yang menerima dan mengumpul 2 kad kuning dalam perlawanan yang berlainan secara automatik akan digantung satu perlawanan berikutnya.
- 19.5 Pemain yang menerima dan mengumpul 2 kad kuning serta 1 kad merah dalam satu perlawanan secara automatik akan digantung 1 perlawanan berikutnya.
- 19.6 Pemain yang menerima kad merah secara terus secara automatik akan digantung 2 perlawanan. Pihak lembaga disiplin pemain akan bermesyuarat dan menentukan hukuman yang sewajarnya berdasarkan kekasaran yang dilakukan.
- 19.7 Mana-mana pegawai yang diperintah keluar meninggalkan bangku simpanan akan digantung automatic satu (2) perlawanan. Walau bagaimana pun, penggantungan lanjut boleh dikenakan oleh JKTP sekiranya diputuskan perlu.
- 19.8 Hukuman kad tidak akan diambil kira apabila pasukan layak ke peringkat kalah mati. Kad yang diambil kira hanyalah kad yang boleh dihukum sahaja.

20. BANTAHAN

- 20.1 Bantahan terhadap keputusan atau soal pemain yang tidak layak mestilah dihantar secara bertulis kepada JKTP Liga Bola Sepak IPT dan hendaklah diterima 2 jam bagi perlawanan peringkat karnival (Piala Menteri Pendidikan Tinggi) selepas tamatnya perlawanan berkenaan dan disertai dengan bukti

- dan RM 450.00. Hanya RM 400.00 yang akan dikembalikan jika bantahan itu berjaya.
- 20.2 Bantahan hanya boleh dibuat oleh pengurus pasukan yang telah didaftarkan sahaja.
 - 20.3 Bantahan tidak boleh dibuat terhadap keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang dibuat oleh Pengadil di padang permainan.

21. PEGAWAI PERTANDINGAN

- 21.1 Pengadil Kelas 1 Negeri boleh digunakan atas budi bicara FAM. Sekiranya mana-mana pegawai perlawanan tidak hadir pada waktu yang dijadualkan bagi sesuatu perlawanan, JKTP akan membuat keputusan dan keputusan JKTP adalah muktamad.
- 21.2 Pengadil bagi setiap perlawanan hendaklah membuat laporan dalam borang yang disediakan dan laporan tersebut hendaklah dihantar kepada Pengerusi JKTP dalam tempoh 24 jam setelah tamat setiap perlawanan.

22. KOORDINATOR UMUM (GC)

- 22.1 Semua tuan rumah hendaklah melantik seorang Koordinator Umum (GC) yang akan bertanggungjawab untuk pengelolaan perlawanan dan semua acara-acara sampingan yang diadakan di kawasan venue perlawanan.
- 22.2 Laporan Koordinator Umum hendaklah dihantar kepada Pengerusi JKTP pada malam yang sama selepas perlawanan atau selewat-lewatnya pada pagi keesokan hari.
- 22.3 Semua GC lantikan Tuan Rumah adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh JKTP. Sekiranya ada diantara GC lantikan tuan rumah melanggar peraturan. GC boleh dihukum mengikut mesyuarat J/K tataterbit.

23. KOMMISSIONER PERLAWANAN/ KOORDINATOR PERLAWANAN.

- 23.1 Seorang MC/KP akan dilantik oleh FAM dan/atau Persatuan Bolasepak Negeri yang akan bertanggungjawab untuk semua aspek teknikal pengelolaan perlawanan dan penilaian pegawai-pegawai perlawanan.

23.2 Pasukan tuan rumah hendaklah memberi kerjasama yang penuh kepada Kordinator Perlawanan.

24. TELEVISYEN, PENYIARAN, IKLAN DAN GALAKAN DAGANG.

- 24.1 Apa perlawanan pun tidak boleh direkodkan atau di siarkan oleh televisyen, stesen radio atau penerbit filem melainkan dengan persetujuan JKTP terlebih dahulu.
- 24.2 JKP akan menentukan bayaran yang akan di kenakan.
- 24.3 Segala bahan iklan dan galakan dagang di Padang hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan JKP dan segala pendapatan yang di terima hendaklah di bayar kepada JKP.
- 24.4 Semua arahan berkenaan dengan perletakan papan-papan pengiklanan oleh JKP hendaklah di patuhi.
- 25.4 Segala bahan iklan dan bahan galakan dagang yang berhubung kait dengan rokok, tembakau dan minuman beralkohol adalah tidak di benarkan sama sekali.

25. HAL-HAL YANG TIDAK DI NYATAKAN.

Segala hal yang tidak di nyatakan dalam peraturan ini atau soal perbezaan taksiran akan di putuskan oleh JKP dan keputusan itu adalah muktamad.